



# Analisa Žižek Terhadap Persoalan Adakah Komunisma Masih Relevan di Abad Ke-21

Oleh: Syed Ahmad Fathi ([fathi137@gmail.com](mailto:fathi137@gmail.com))

Sebenarnya sudah agak lama saya tidak membaca penulisan dan analisa pergerakan politik dan geo-politik dunia dari lensa yang ideologikal. Terutamanya selepas saya menerbitkan buku *Lalang di Lautan Ideologi*.<sup>1</sup> Kerana saya merasakan zaman ideologi mampu membakar semangat saya sudah tamat, kini saya lebih mengutamakan apa yang saya rasakan benar, apa yang praktikal, dan juga apa yang dapat memberikan kesan yang sebenar. Bukan lagi sekadar idea-idea abstrak yang sepertinya mempunyai moral yang lebih tinggi tetapi tidak mempunyai bukti praktikal di alam nyata.

Namun membaca tulisan Slavoj Žižek di dalam naskhah *First As Tragedy, Then As Farce* sedikit sebanyak menghidupkan semula perhatian saya yang kian pudar terhadap sudut pandang yang ideologikal seperti ini.<sup>2</sup> Bagi Žižek, kebenaran itu sentiasa ideologikal sifatnya, sentiasa berpihak dan tidak neutral. Dalam analisanya, Žižek memilih sudut pandang komunisma dalam menganalisa krisis yang berlaku di dunia dan juga solusi yang harus diketengahkan.<sup>3</sup> Beliau menolak pandangan yang mengatakan bahawa kita berada di era pasca-ideologi, baginya sebaliknya adalah apa yang berlaku, hari ini kita sebenarnya makin terikat dengan ideologi.<sup>4</sup> Penulisan ini merupakan analisa dan ulasan kepada buku Žižek ini di mana idea-ideanya diteroka dan dibahaskan.

## Maksud Tajuk: Perihal Perkembangan & Progres Sejarah

Žižek memulakan perbahasannya dengan menerangkan maksud dari kata-kata yang menjadi tajuk bukunya. Kata-kata ini dipinjam dari Karl Marx dalam bukunya *The Eighteenth Brumaire of Louis Bonaparte*, di mana Marx membuat penambahan kepada idea Hegel. Bagi Hegel, sejarah sifatnya berulang, peristiwa besar dan signifikan akan berulang dua kali. Marx bersetuju dengan Hegel akan hal ini, namun beliau menambah bahawa peristiwa pertama adalah sebuah tragedi, manakala ulangannya adalah sebuah sandiwara yang tidak munasabah dan bersifat komikal (*farce*).<sup>5</sup>

Idea-idea Hegel sememangnya tidak asing bagi Marx, malah Marx sememangnya merupakan pengikut tegar idea Hegel dan semasa muda beliau merupakan sebahagian dari gerakan Young Hegelian. Idea dialektik materialisme Marx sebagai contoh, juga merupakan pengembangan daripada idea asal dialektik Hegel.<sup>6</sup> Sejarah seperti yang difahami oleh Marx dan Hegel adalah bersifat deterministik, menurut E.H. Carr idea sejarah seperti ini ditentang oleh sarjana seperti Karl Popper yang mengatakan bahawa ia adalah idea yang

<sup>1</sup> Syed Ahmad Fathi. *Lalang di Lautan Ideologi*. Cukong Press, 2022.

<sup>2</sup> Slavoj Žižek. *First As Tragedy, Then As Farce*. Verso, London, 2009.

<sup>3</sup> *Ibid.*, hlm. 6.

<sup>4</sup> *Ibid.*, hlm. 37.

<sup>5</sup> *Ibid.*, hlm. 2.

<sup>6</sup> Syed Ahmad Fathi. *Life Full of Reading: A Collection of Book Reviews*. Independent Insight, 2020. Hlm. 4-10.

membuatkan sains sosial terkebelakang.<sup>7</sup> Idea Marx ini juga disebut sebagai historicism di mana sejarah berlaku dalam keadaan yang telah ditentukan oleh hukum-hukum saintifik.<sup>8</sup>

Apa yang dimaksudkan dengan “sejarah berulang, pertama sebagai satu tragedi, yang kedua sebagai satu sandiwara komikal”? Dalam menghuraikan frasa ini, Žižek menggunakan kritikan beliau terhadap Francis Fukuyama sebagai penerangan. Fukuyama menulis satu buku yang terkenal, yang juga mengambil idea dari falsafah sejarah Hegel perihal berakhirnya sejarah. Bagi Hegel, sejarah mempunyai tujuan, ia mempunyai arah tuju, dan Fukuyama menoktahkan arah tuju sejarah itu kepada sistem politik-ekonomi berasaskan idea demokrasi liberal dan idea ekonomi kapitalis. Bagi Fukuyama, inilah model terakhir politik dan ekonomi manusia, satu sistem yang sudah sempurna.<sup>9</sup>

Bagi Žižek, idea utopia Fukuyama ini telah mati sebanyak dua kali. Pertama apabila berlakunya peristiwa 11 September 2001 di mana kebebasan individu yang dijamin oleh demokrasi liberal tiba-tiba tidak lagi bersifat universal.<sup>10</sup> Amerika Syarikat yang keronnya memperjuangkan kebebasan dan hak individu telah menghadkan banyak kebebasan ini selepas peristiwa 11 September, peristiwa ini digunakan dalam menjustifikasi peperangan yang dilancarkannya di luar negara untuk melawan “*terrorism*”. Menurut laporan dari Kesatuan Hak Sivil Amerika (ACLU) antara pelanggaran hak-hak kebebasan yang berlaku adalah penahanan demonstran, penarikan kebenaran kepada pihak media untuk membuat laporan, dan juga sekatan kepada individu yang berani menentang perang yang dilancarkan terhadap Iraq.<sup>11</sup>

Kematian kedua bagi utopia Fukuyama adalah apabila berlakunya krisis kewangan pada tahun 2008-2009 di mana institusi kewangan yang membuat spekulasi ke atas pinjaman perumahan akhirnya menyebabkan sistem kewangan mengalami krisis. Krisis ini ada diceritakan dengan terperinci oleh Michael Lewis dalam bukunya, diceritakan bagaimana sifat tamak bank pada ketika itu mendedahkan peminjam kepada risiko yang besar. Akhirnya beberapa bank besar gulung tikar, juga sebahagian bank mendapat bantuan (*bail-out*) dari kerajaan menggunakan duit cukai.<sup>12</sup> Di sini kita melihat satu paradoks dalam ideologi kapitalis dan pasaran bebas. Ideologi ini sangat menentang campur tangan kerajaan dalam ekonomi, jika rakyat miskin, dia tidak seharusnya dibantu dengan duit cukai oleh kerajaan kerana dikatakan sebagai campurtangan dalam hukum ekonomi. Namun apabila bank-bank menjadi miskin dan bankrap atas sifat tamak mereka, tiba-tiba kerajaan perlu campur tangan dalam hal ehwal ekonomi dan menyelamatkan mereka. Di sini kita melihat utopia Fukuyama tidak berlaku, keronnya kapitalis dan pasaran bebas adalah sistem terakhir yang terbaik, namun ia terpaksa menipu dirinya sendiri dan memerlukan campur tangan kerajaan (tidak bebas) apabila berlakunya krisis.

Saya kira, walaupun ramai yang tak bersetuju dengan Fukuyama berkenaan dengan idea "sejarah telah berakhir", namun semua analisa perihal sejarah dan demokrasi terutamanya selepas tahun 1992 pasti akan menyentuhnya. Dalam kata lain, Fukuyama telah memahat namanya dalam perbahasan idea sejarah. Malah dalam podcast *Keluar Sekejap*, idea Fukuyama ini pernah disentuh oleh Khairy Jamaluddin dan Shahril Hamdan.<sup>13</sup> Ini menunjukkan ideanya meresap hingga ke politik tempatan di Malaysia dan masih diperkatakan hingga ke hari ini. Menurut Žižek, walaupun ramai orang memperlehkan idea Fukuyama, hakikatnya ramai orang pada hari ini adalah Fukuyamean, dalam kata walaupun mereka tidak mempercayai sistem liberal-demokrasi adalah sistem ekonomi-politik yang terakhir, mereka tetap melibatkan diri dalam

<sup>7</sup> Syed Ahmad Fathi. "Pemikiran Sejarah Edward H. Carr." *Nota Pemikir Sejarah* (2023).

<sup>8</sup> Paul Krause. *Karl Marx's Dialectical Historicism*. Discourses on Minerva, 28 October 2019. Pautan: <https://minervawisdom.com/2019/10/28/karl-marxs-dialectical-historicism/>

<sup>9</sup> Francis Fukuyama. *The End of History and The Last Man*. Free Press, 2006.

<sup>10</sup> *First As Tragedy, Then As Farce*, hlm. 5.

<sup>11</sup> American Civil Liberties Union. "Freedom under fire: Dissent in post-9/11 America." (2003).

<sup>12</sup> Syed Ahmad Fathi. "The Big Short". *Meniti Jambatan Masa*, 16 Julai 2016. Pautan: <https://bersamakepuncak.blogspot.com/2016/07/the-big-short.html>

<sup>13</sup> Khairy Jamaluddin, Shahril Hamdan. Podcast *Keluar Sekejap* Episod Ke-32. "Tiong King Sing di KLIA, Kecerdasan Buatan (AI) - What's next?, Rusuhan di Perancis". 04 Julai 2023. Pautan: <https://www.youtube.com/watch?v=5yyB-Wk5M-k>

sistem ini, dan menerimanya sebagai sistem yang paling baik setakat ini yang ada bagi menguruskan masyarakat.<sup>14</sup>

Idea bahawa sejarah mempunyai hala tuju, dan mempunyai titik akhir ini membawa erti sejarah mempunyai progres. Halatuju progres ini berbeza antara pemikir, bagi Marx, titik akhirnya adalah masyarakat komunis, bagi Fukuyama, titik akhirnya adalah sistem kapitalis dan demokrasi liberal. Namun Žižek mempunyai idea lain tentang progres sejarah ini dan apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Dalam progres sejarah ini, masa depan sejarah bagi Žižek adalah milik negara, negara-bangsa yang merupakan konsep Eropah menunjukkan *trend* yang makin menguat. Oleh itu, horizon di depan kita adalah di mana kebebasan individu akan wujud dan dikawal oleh negara.<sup>15</sup>

### Perihal Demokrasi & Masalahnya

Demokrasi merupakan satu sistem yang perlahan, di mana pihak-pihak yang ada bernegosiasi dan berkompromi antara satu sama lain. Namun dalam proses ini, apa yang hilang adalah posisi kaum proletariat yang diwakili segmen yang terpinggir (miskin dan mempunyai taraf sosial yang rendah). Tentulah golongan bawahan ini mempunyai pengaruh yang kecil untuk bernegosiasi. Di sini Žižek membawakan kepentingan *dictatorship of proletariat* seperti yang dibawakan Marx untuk mengangkat suara mereka, aspek ini adalah aspek yang sering hilang dalam demokrasi borjuis Beliau memberi contoh perihal apa yang dilakukan oleh Chaves di Venezuela, berbanding memasukkan golongan terpinggir ke dalam rangka demokrasi yang ada, Chaves membangunkan orang-orang miskin dan terpinggir kemudian merombak sistem yang ada bagi memastikan mereka terlibat dan mempunyai ruang untuk terlibat dalam proses politik.<sup>16</sup>

Žižek juga memetik pemikiran Kant dalam persoalan pergerakan sejarah. Persoalan yang sama yang ditanyakan oleh banyak ahli-ahli sejarah sendiri, iaitu adakah sejarah mempunyai progres? Kita sudah sentuh pemikiran Marx dan Fukuyama dalam hal ini. Namun, progres ini juga merangkumi perkembangan etika dan tidak sekadar perkembangan dalam hal material. Bagi Kant persoalan ini sememangnya mengelirukan dan tidak dapat dibuktikan, abad ke-20 misalnya membawa banyak perkembangan positif dari sudut perkembangan demokrasi dan pembasmian kemiskinan, namun dalam masa yang sama menyaksikan kekejaman yang dahsyat seperti kezaliman yang berlaku semasa pemerintahan Nazi dan juga Komunis Soviet. Walaupun Kant mengaku ia tidak dapat dibuktikan, bagi beliau perkembangan itu dapat berlaku dan kita boleh melihat tanda-tandanya. Sebagai contoh Revolusi Perancis yang membuka lebih banyak ruang kebebasan, demokrasi dan kesaksamaan.<sup>17</sup>

Namun kita harus sedar bahawa demokrasi bukanlah penyelesaian kepada semua masalah. Perkara ini bukan sahaja disedari oleh golongan kiri, tetapi juga golongan kanan. Jika suara popular memihak kepada kanan, kiri tidak akan cenderung pada demokrasi, begitu juga sebaliknya. Žižek memetik kata-kata Noam Chomsky di mana beliau menyebut “hanya apabila ancaman partisipasi popular dapat diselesaikan baharulah persoalan demokrasi dapat difikirkan sebagai selamat”.<sup>18</sup> Dalam kata lain, kuasa sedia akan memberi lebih ruang pada demokrasi sekiranya ia dapat mengekalkan dominasi mereka.

Žižek juga memetik pemikiran Walter Lippmann yang mengatakan bahawa dalam demokrasi kita mempunyai lautan pandangan, oleh itu bagi menstrukturkan lautan pandangan yang *chaotic* ini, ia memerlukan kelas pemerintah yang mempunyai kapasiti keilmuan, kelas elit yang mempunyai ilmu ini dapat menjangkaui kelemahan utama dalam sistem demokrasi iaitu tidak wujudnya warga yang sempurna. Kita semua mengetahui akan hal ini, akan kelemahan yang ada dalam demokrasi, apa yang menjadi misteri menurut Žižek adalah kita tetap terus bermain dalam permainannya.

Dalam demokrasi, setiap warga seolah-olah menjadi raja, tetapi bukan raja berkuasa mutlak. Ia lebih mirip kepada raja dalam sistem demokrasi berpelembagaan di mana pihak eksekutif membuat keputusan, tetapi

<sup>14</sup> *First As Tragedy, Then As Farce*, hlm. 88.

<sup>15</sup> *Ibid.*, hlm. 145.

<sup>16</sup> *Ibid.*, hlm. 102.

<sup>17</sup> *Ibid.*, hlm. 106.

<sup>18</sup> *Ibid.*, hlm. 133.

raja menandatanganinya seolah-olah ia adalah keputusan baginda. Begitu juga dalam demokrasi, selalunya ia mahu menampakkan bahawa rajanya (rakyat) seolah-olah dihormati. Setiap keputusan perlu digambarkan sebagai keputusan rakyat, disebut sebagai “suara rakyat” dan “mandat rakyat”. Walhal kita sedar bahawa bukan rakyat yang membuat keputusan. Pilihanraya sebenarnya adalah satu kepura-puraan di mana golongan berkuasa dengan penuh beradab sopan berpura-pura seolah-olah mereka tidak berkuasa, dan mereka bertanya kepada rakyat adakah rakyat mahu memberikan kuasa kepada mereka dengan sukarela.<sup>19</sup>

Demokrasi juga menurut Žižek boleh menjadi korup secara dalaman dalam bentuk yang sistemik, terutamanya apabila suara dan keputusan yang berhasil tidak mewakili rakyat tetapi mewakili ekonomi dan pasaran. Pemikiran pengundi juga dapat dimanipulasi dengan pelbagai cara hingga membuatkan apa yang mereka fikirkan tidak sama dengan apa yang mereka lakukan di peti undi. Terutamanya jika tiada pilihan yang mewakili suara mereka yang sebenar. Dalam situasi seperti ini sebenarnya pilihan yang ada bukanlah pilihan, keadaan ini sering disebut dengan pelbagai terma seperti “mudarat lebih kecil” atau “*lesser evil*”. Kita tidak perlu membenci demokrasi, tetapi kita harus sedar bahawa pilihanraya tidak dapat memberi kita kebenaran yang sebenar.<sup>20</sup> Sebenarnya masalah dalam sistem demokrasi ini perbahasannya telah lama dan sangat banyak, antara yang sangat menarik bagi saya adalah tulisan Fareed Zakaria.<sup>21</sup> Bagi beliau, bukan semua perkara dapat diselesaikan dengan demokrasi, ada situasi yang memerlukan institusi yang tidak demokratik. Contohnya mahkamah, dalam banyak negara, ia adalah institusi yang lebih dihormati berbanding parlimen walaupun secara strukturnya ia tidak demokratik.

### Kebenaran Yang Berpihak dan Tidak Neutral

Seperti yang sudah diintaskan di awal penulisan ini, bagi Žižek kebenaran sentiasa berpihak dan ideologikal, tidak pernah neutral.<sup>22</sup> Apabila kita mengatakan sesuatu itu adalah kebenaran, ini bermaksud kita telah memilih apa yang kita rasakan benar. Pastilah ada pemikiran di sebalik pemilihan kita itu. Pemikiran ini adalah ideologi, oleh sebab itu Žižek mengatakan bahawa kebenaran itu bersifat ideologikal.

Saya tiada masalah dengan proses ini yang bagi saya merupakan mekanisma asas dalam kita berfikir dan menentukan sesuatu perkara sebagai benar. Cuma saya merasakan, apabila kita menganalisa sesuatu perkara, kita mesti membiarkan rasional kita berfikir dengan bebas dalam memilih kebenaran, tidak boleh kerana ideologi tertentu yang kita anuti menyebabkan pemilihan kita menjadi bias. Sebagai contoh, kita merupakan orang yang cenderung kepada ideologi pasaran bebas. Ketika pasaran bebas menatijahkan kebuluran dan kemiskinan, kita perlu terima hakikat ini dan cuba membaikinya, bukan mencari hujah merasionalkan kebuluran dan menyucikan ideologi kita. Tetapi tentulah pemilihan bahawa kebuluran itu adalah sesuatu yang tidak baik dan perlu dibaiki itu ada ideologi di belakangnya. Iaitu pemikiran bahawa kesengsaraan orang lain wajar dibantu, ia adalah pemikiran kemasyarakatan dan mengutamakan amalan tolong menolong. Jadi saya kira, idea Žižek bahawa “kebenaran itu sentiasa bersifat ideologikal” tidaklah bertentangan dengan tesis yang saya bentangkan dalam buku *Lalang di Lautan Ideologi*.

Setelah ditentukan bahawa kebenaran bersifat ideologikal, maka ideologi apakah yang dipilih Žižek dalam analisanya? Dalam hal ini beliau berterus terang dan memilih komunisma. Beliau mahu meninjau keadaan dunia hari ini dari perspektif komunisma. Menurut Žižek, komunisma adalah idea politik pertama yang membawa idea keserataan bangsa, tidak seperti Gereja Katolik yang hanya menerima demokrasi dihujung abad ke-19, itu pun penerimaannya adalah kerana terpaksa.<sup>23</sup> Ideologi sememangnya akan membuatkan seseorang itu memilih fakta-fakta yang menyokongnya sahaja. Perkara ini saya lihat sangat bermasalah dalam segmen gerakan kiri yang mengamalkan *cancel culture*, kerana ia akan membuatkan mereka sangat tidak konsisten. Mereka akan menolak seseorang andai mereka melakukan satu kesilapan, tetapi tokoh kiri yang mereka agungkan sendiri melakukan banyak kesilapan tetapi tidak pula mereka tolak dan *cancel* mereka. Žižek menyebut hal ini sebagai *historical censorship*. Beliau memberi contoh bagaimana banyak pandangan-

<sup>19</sup> *Ibid.*, hlm. 135.

<sup>20</sup> *Ibid.*, hlm. 136-7.

<sup>21</sup> Fareed Zakaria. *The Future of Freedom: Illiberal Democracy at Home and Abroad*. W W Norton, 2004.

<sup>22</sup> *First As Tragedy, Then As Farce*, hlm 6.

<sup>23</sup> *Ibid.*, hlm. 39.

pandangan Martin Luther King dalam hal-hal yang kontroversi tidak diperkatakan, agar beliau kelihatan bersih dan sesuai dijadikan idola bagi nilai-nilai moden pada hari ini.<sup>24</sup>

Namun saya kira, Žižek juga melakukan perkara yang sama apabila dia cuba mempertahankan Marx di atas tulisan-tulisan rasis beliau dalam *Surveys From Exile* di mana Marx menulis dua artikel yang bertajuk *The British Rule in India* dan *The Future Results of British Rule in India*.<sup>25</sup> Tulisan Marx ini pernah dikritik oleh Edward Said, terutamanya bahagian di mana Marx berpendapat bahawa dengan memusnahkan Asia, British dapat melaksanakan revolusi sosial yang sebenar. Ia adalah percanggahan besar dari idea-idea egalitarian, progresif dan humanis Marx. Malah kita sepatutnya mempersoalkan di mana moral Marx dalam hal ini, di mana simpati beliau terhadap manusia hilang? Bagi Said, ada dua sebab terhadap penulisan *Eurocentric* Marx ini, pertama kerana beliau mahu membuktikan teori sosio-ekonominya, kedua kerana Marx mempunyai korpus penulisan besar perihal masyarakat Timur hasil produksi kaum orientalis.<sup>26</sup> Saya berpandangan kritikan Said kepada Marx ini merupakan tulisan intelektual yang jujur dan berani, saya bersetuju dengan analisa Edward Said perihal penulisan Marx yang merendahkan orang Asia ini, ia wajar dikritik dan dipersoalkan.<sup>27</sup>

Žižek walaubagaimanapun seolah-olah mahu membela Marx dalam hal ini. Di sini saya tidak bersetuju dengan Žižek di mana saya merasakan ideologi kirinya menyebabkan dia mahu membersihkan Marx dari tulisan yang kotor ini. Marx menulis: “*Persoalanannya, bolehkah manusia menyempurnakan takdirnya tanpa revolusi yang fundamental dalam keadaan sosial di Asia? Jika tidak, apa juga jenayah yang dilakukan England, England sebenarnya merupakan ‘alat yang tidak sedar’ bagi sejarah untuk menghasilkan revolusi ini?*”<sup>28</sup> Dalam kata lain, segala kekejaman dan kezaliman yang dilakukan England dalam memperhamba dan merompak bangsa lain adalah keperluan bagi melahirkan revolusi sosial. Bangsa Asia seolah tidak mampu mengubah diri mereka tanpa adanya “bantuan” dalam bentuk kolonial England. Žižek mengatakan bahawa kolonial England sebenarnya merupakan pembebas. Ia membebaskan India dari tradisi lamanya yang mencengkamnya dari maju. Kolonial juga membawa idea pembebasan, di mana akhirnya India dapat bebas dari kuasa kolonial. Dalam kata lain, bagi Žižek, kolonial membantu India membebaskan dirinya dari kolonial. Logik seperti ini kedengaran kelakar bagi saya, baiklah kiranya kuasa kolonial tidak datang sejak dari mula, oleh itu India tidak perlu menghabiskan tenaganya untuk membebaskan diri dan dapat memfokuskan tenaga mereka bagi memajukan diri mereka.<sup>29</sup> Bagi Žižek, kolonial mempunyai “kesan positif”, namun bagi saya, tanpa kolonial pun sebenarnya negara Asia dan bangsanya dapat memajukan diri mereka sendiri.<sup>30</sup>

### Kegagalan Gerakan Politik Kiri Hari Ini

Žižek juga berterus terang perihal keadaan gerakan kiri yang ada pada hari ini, yang tidak berada di puncak kuasa dan tidak dominan. Kewujudan gerakan kiri hari ini menurut Žižek hanya sebagai pengkritik yang tidak mampu memberi solusi dan tandingan kepada sistem politik sedia ada. Mereka hanya mampu mengkritik dan berkata kepada pihak lawan bahawa “kamu mungkin menang tetapi kamu tidak dapat meyakinkan”. Maka bagi Žižek, gerakan kiri baharu perlu belajar dari kegagalan gerakan kiri abad ke-20.<sup>31</sup> Mereka perlu belajar dan mula bekerja untuk meyakinkan masyarakat akan solusi dan idea-idea kiri baharu yang lebih segar dan sesuai dengan zaman kini.

Žižek juga mengkritik bagaimana, golongan kiri baharu kini berundur ke dalam persoalan seksual dan spiritual dan meninggalkan organisasi politik radikal. Beliau juga mengkritik pemikiran populis yang mengamalkan *cancel culture*. Logik kepada pemikiran populis ini lahir dari perasaan emosional yang tidak memahami apa yang terjadi, kemudian dia tidak berusaha memahaminya, dia hanya membenci dan mahukan perkara itu dihentikan. Dalam hal ini, pemikiran simplistik ini tidak mahu memahami dan berwacana perihal

<sup>24</sup> *Ibid.*, hlm. 108.

<sup>25</sup> *Ibid.*, hlm. 115.

<sup>26</sup> Edward W. Said. *Orientalism: Western Conceptions of the Orient*. Penguin, 1991. Lihat halaman 153-155.

<sup>27</sup> Syed Ahmad Fathi. “Meninjau Pemikiran Edward Wadie Said Dalam Orientalism: Perihal Konstruksi Barat Terhadap Timur.” *Sesi Mengopi Bersama JC IIUM*, 2022.

<sup>28</sup> *First As Tragedy, Then As Farce*. hlm. 116.

<sup>29</sup> *Ibid.*, hlm. 116.

<sup>30</sup> *Ibid.*, hlm. 117.

<sup>31</sup> *Ibid.*, hlm. 7.

hal-hal yang kompleks dalam sesuatu situasi, dari cuba memahami hal yang kompleks, mereka memilih jalan mudah untuk mencari orang untuk dipersalahkan.<sup>32</sup> Dengan menggunakan ugutan dan ancaman, mereka mengalihkan perhatian dari perdebatan sebenar. Dalam kata lain, mereka sebenarnya tidak mempunyai keupayaan intelektual bagi menjawab sesuatu isu.

Golongan liberal, termasuk gerakan kiri, sering mengkritik gerakan lain. Contohnya Taliban dikritik apabila berjaya menggunakan penindasan terhadap golongan petani untuk menggugat sistem feudal di Pakistan. Golongan liberal mengkritik strategi Taliban ini dengan mengejek mereka sebagai fundamentalis Islam. Tetapi apakah maksudnya ini? Bagi Žižek, ini sebenarnya bermaksud dalam masyarakat, dalam contoh ini adalah petani di Pakistan, mereka mempunyai potensi untuk melakukan perubahan dan revolusi. Tetapi ia gagal dimanfaatkan oleh golongan liberal dan kiri, apa yang mereka mampu lakukan hanyalah mengejek mereka yang berjaya memanfaatkan potensi ini, iaitu Taliban. Begitu juga dalam kebangkitan-kebangkitan rakyat di tempat lain, baik kebangkitan populisme atau nasionalisme. Ia menunjukkan bahawa potensi untuk mobilisasi itu wujud, tetapi ia tidak berjaya dimanfaatkan oleh gerakan kiri.<sup>33</sup> Oleh itu mereka harus bermuhasabah, dari asyik sibuk mengejek dan mengata orang lain, lebih baik mereka berfikir tentang bagaimana untuk memanfaatkan potensi revolusi dalam masyarakat.

Antara pemikiran falsafah yang selalu diperlekehkan oleh golongan kiri adalah Ayn Rand, walaupun begitu, Žižek yang mengetengahkan idea komunis pun mengambil idea dari Rand. Beliau memetik *Atlas Shrugged* tentang bagaimana Rand menyatakan bahawa duit adalah punca kebaikan. Kerana dengannya kita dapat menyuruh orang lain bekerja, jika tiada duit, bagi Rand, pilihan yang ada adalah paksaan. Contohnya kita memaksa orang bekerja dengan mengutuknya menggunakan pistol atau senapang. Žižek bersetuju dengan analisa Rand tentang bagaimana duit digunakan untuk menjadi alat bagi kita mengeksplotasi orang lain. Cuma Žižek tidak bersetuju bahawa kita hanya punya dua pilihan, sama ada eksplotasi menggunakan duit dan wang atau paksaan, bagi Žižek kita punya pilihan ketiga iaitu kebebasan.<sup>34</sup>

Gerakan kiri tradisional juga sangat mengagumi idea demokrasi langsung, di mana rakyat terlibat secara langsung tanpa pengantara representasi. Contohnya melalui perkumpulan yang dipanggil *soviet*. Namun bagi Žižek hal ini sering tidak berjaya apabila ia berkembang kepada fasa institusi, yang lebih penting adalah menjayakan perubahan apabila euphoria perubahan menyusut dan urusan harian kembali kepada keadaan sedia kala.<sup>35</sup>

### Anatomi Sebuah Revolusi

Masalah terbesar bagi gerakan Marxis Eropah yang merupakan gerakan kiri hari ini adalah ketiadaan agen dan subjek revolusi.<sup>36</sup> Dalam kata lain, idea dan teorinya sudah banyak dan bercambah. Apa yang kurang adalah pekerja kepada idea, mereka yang bukan sahaja yakin terhadap sesuatu idea, tetapi mereka yang yakin dan bekerja untuk memenangkan idea tersebut. Saya kira perkara ini memang penting, malah saya sendiri pernah menyebutnya. Jika tiada “pekerja kepada idea”, teori, wacana, dan ideologi akan menjadi sesuatu yang sia-sia.<sup>37</sup> Namun sebenarnya kegagalan kaum pekerja bagi menjadi subjek kepada perubahan bukan perkara baharu, ia sudah wujud ketika Revolusi Bolshevik lagi. Di sini kita melihat kebijaksanaan Lenin, beliau berjaya menggunakan “potensi kemarahan” yang wujud dalam petani miskin yang timbul dalam jangka masa yang singkat. Potensi ini segera ditangkap oleh Lenin dengan menggunakan slogan “tanah dan kebebasan” bagi melancarkan Revolusi Oktober.<sup>38</sup>

Semua revolusi-revolusi yang berjaya seperti di Cuba dan Yugoslavia, adalah revolusi dimana potensi kemarahan (*rage capital*) berjaya digunakan. Kemarahan ini wujud pada jangka masa yang singkat, ekstrem,

<sup>32</sup> *Ibid.*, hlm. 60-61.

<sup>33</sup> *Ibid.*, hlm. 72-73.

<sup>34</sup> *Ibid.*, hlm. 142-3.

<sup>35</sup> *Ibid.*, hlm. 153.

<sup>36</sup> *Ibid.*, hlm. 88.

<sup>37</sup> Syed Ahmad Fathi. Perbahasan & Wacana Yang Sia-Sia. *Independent Insight*, 12 Jun 2023. Pautan:

<https://theindependentinsight.com/2023/06/12/perbahasan-wacana-yang-sia-sia/>

<sup>38</sup> *First As Tragedy, Then As Farce*, hlm. 89.

dan kritikal. Ia mungkin disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kemarahan yang wujud kerana mahukan kemerdekaan bagi sesebuah bangsa.<sup>39</sup> Jika potensi kemarahan ini gagal ditangkap oleh gerakan kiri hari ini, mereka tidak akan berjaya.

Sesuatu revolusi perlu menunggu dengan penuh sabar akan tibanya saat ini, saat-saat yang sebentar di mana sistem sedia ada gagal berfungsi dan *rage capital* dapat digunakan. Apabila potensi ini muncul, ia perlu segera ditangkap dan kuasa perlu dirampas. Pekerja revolusi perlu sensitif untuk menghidu di mana *rage capital* ini muncul, jika di jalanan, ia perlu segera digunakan dan diperkuat. Apparatus represif perlu segera dibangunkan pada saat itu bagi mematahkan serangan lawan. Dan apabila demam dan euphoria revolusi sudah surut dan masyarakat mula kembali kepada kesedaran mereka, suasana sudah terlambat dan revolusi sudah kukuh tertanam.<sup>40</sup> Menurut Žižek, inilah cara bagaimana revolusi perlu dikendalikan, inilah anatomi sebuah revolusi. Dari menghidu kemarahan, menggunakan dan memperkuatkannya dengan segera, serta pantas mematahkan usaha *counter* revolusi bagi memastikan ia dapat bertahan.

### Kritikan Pasca Krisis Kewangan 2008

Krisis kewangan merupakan tanda kegagalan sistem kapitalisma, Žižek dalam bukunya menghuraikan perkara ini. Pasaran ekonomi hari ini adalah berdasarkan kepercayaan (*beliefs*), malah Žižek menambah bahawa ia adalah berdasarkan kepercayaan kepada “kepercayaan orang lain”.<sup>41</sup> Oleh sebab itu kita melihat dalam banyak hal dan perubahan polisi, penganalisa akan bercakap perihal bagaimana “reaksi” pasaran terhadap sesuatu perubahan. Namun saya merasakan, dengan meletakkan fundamental dan asas kepada ekonomi di atas sesuatu yang berbentuk spekulatif seperti “kepercayaan” dan “reaksi”, ini sangat bahaya. Ia tidak stabil. Apabila ia tidak dapat dibendung dan dikawal, ia akan mengalami kegagalan. Asas ekonomi bagi saya perlu diletakkan pada sesuatu yang lebih berbentuk kuantitatif dan dapat disukat dengan objektif.

Apabila sistem kewangan gagal di Amerika Syarikat pada tahun 2008, solusi yang digunakan bukanlah solusi pasaran bebas seperti yang dicanangkan oleh pengikut ideologi ekonomi liberal seperti Fukuyama. Tetapi dengan menggunakan duit rakyat untuk membayar kerugian spekulasi bank. Hal ini merupakan solusi sosialisma, namun bezanya, ia bukan untuk manfaat rakyat jelata, tetapi sosialisma untuk bank-bank besar. Hal ini berbeza sekali dengan ideologi ekonomi Amerika Syarikat yang menggalakkan pasaran bebas dan menghalang campurtangan kerajaan dalam ekonomi.<sup>42</sup>

Walaupun ia adalah penyelesaian mirip apa yang dibawa oleh sosialisma, Žižek mempersoalkan adakah langkah ini benar-benar boleh dipanggil sosialisma ataupun sosialisma bagi negara? Di mana ia dilakukan bukan untuk membantu yang miskin tetapi untuk membantu orang kaya. Memberi wang kepada pemberi pinjaman bukan kepada peminjam. Dalam hal ini kita melihat, pemegang ideologi kapitalis tiada masalah untuk mensosialkan sistem perbankan untuk menyelamatkan kapitalisma. Dalam kata lain, sosialisma hanya diterima apabila ia digunakan untuk menyelamatkan bank dan orang kaya, bukan orang miskin.<sup>43</sup> Di sini kita melihat apa itu ideologi ekonomi. Ideologi ekonomi adalah pertarungan perihal bagaimana kekayaan itu dibahagikan dalam masyarakat. Ia adalah asas bagi pembentukan sistem distribusi.

Walaupun negara-negara besar seperti Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah mempromosikan pasaran bebas dan menolak campur tangan kerajaan dalam hal ekonomi kepada negara lain, negara mereka sendiri mengamalkan pasaran yang tidak bebas dalam ekonomi. Kesatuan Eropah misalnya, memberi subsidi 500 Euro kepada setiap ekor lembu yang diternak di Eropah.<sup>44</sup> Menurut Paul D’Amato, subsidi Eropah kepada setiap ekor lembu, lebih tinggi dari pendapatan per kapita di Sahara Afrika.<sup>45</sup> Di sini kita melihat satu ketidakseimbangan yang ketara. Bagaimana negara-negara kaya dunia sendiri “cakap tidak serupa bikin”, dan hanya mengamalkan polisi pasaran bebas apabila ia menguntungkan mereka. Oleh itu bagi Žižek, tidak

<sup>39</sup> *Ibid.*, hlm. 89.

<sup>40</sup> *Ibid.*, hlm. 90.

<sup>41</sup> *Ibid.*, hlm. 10.

<sup>42</sup> *Ibid.*, hlm. 12.

<sup>43</sup> *Ibid.*, hlm. 13.

<sup>44</sup> *Ibid.*, hlm. 16.

<sup>45</sup> Paul D’Amato. *The Meaning of Marxism*. Haymarket Books, 2014.

ada pasaran yang bebas dan neutral, setiap struktur pasaran adalah berdasarkan keputusan politik.<sup>46</sup> Atau dalam kata lain, ideologikal. Perkara ini saya kira bukan diperkatakan oleh Žižek sahaja, ahli ekonomi seperti Ha-Joon Chang turut menyatakan perkara yang sama. Bagi Chang, pasaran bebas tidak wujud, setiap pasaran mempunyai sempadan dan limitasi, ia dikawal oleh peraturan, dan peraturan ini digubal dari polisi-polisi politik.<sup>47</sup>

### Krisis Sebagai Ejen Perubahan?

Ahli ekonomi, Milton Friedman ada menulis satu ungkapan yang terkenal “*Only a crisis, actual or perceived, produces real change*”.<sup>48</sup> Dalam kata lain, untuk sesuatu masyarakat menerima sesuatu perubahan, mereka memerlukan satu krisis, sama ada krisis tersebut adalah krisis yang benar-benar berlaku, atau dipropagandakan agar ia dirasai seperti sedang berlaku. Jadi, apabila berlakunya krisis kewangan pada tahun 2008, adakah kita dapat melihat berlakunya satu perubahan terhadap sistem kapitalis yang mengawal ekonomi? Adakah masyarakat akan mula hilang kepercayaan akan sistem ekonomi pasaran bebas seperti yang dipromosikan oleh ideologi ekonomi liberal?

Jawapannya, tidak semestinya, menurut Žižek. Sebaliknya ia bergantung kepada bagaimana akhirnya krisis itu disimbolkan. Ideologi mana yang berjaya menggunakan krisis tersebut bagi memaksakan tafsiran mereka kepada masyarakat. Ideologi yang berjaya menggunakan krisis tersebut dalam penceritaan dan tafsiran mereka, dapat memastikan persepsi masyarakat berada di pihak mereka. Oleh itu golongan kiri yang merasakan krisis ekonomi pada tahun 2008 akan membuka ruang bagi mereka adalah naif menurut Žižek. Malah ia sebenarnya dapat digunakan oleh ideologi dominan sedia ada untuk mengukuhkan lagi politik yang bersifat populisme, polisi pro-peperangan, peningkatan kemiskinan di negara-negara ketiga, dan juga peningkatan jurang antara yang kaya dan miskin.<sup>49</sup>

Kebolehan ideologi untuk menguatkan lagi pemikirannya apabila berdepan dengan kegagalan bukanlah hanya terpakai kepada sistem kapitalis dan idea neo-liberal. Tetapi bagi Žižek, ia turut terpakai kepada kelompok sosialis. Contohnya apabila sistem sosialis gagal, yang dipersalahkan bukan idea sosialisme dan sistemnya, tetapi perlaksanaan idea sosialis tersebut yang dianggap tidak mengikut idea asal dengan sebenarnya. Solusi yang diberikan kemudian, bukanlah penghapusan sistem, tetapi reformasi radikal terhadap sistem sedia ada. Jadi dalam kes krisis kewangan 2008, yang dipersalahkan bukan sistem kapitalis, tetapi sistem kapitalis yang telah diselewengkan dari ideanya yang asal.<sup>50</sup> Sistem kapitalis juga digambarkan sebagai satu sistem yang teknikal bukan ideologikal. Ia harus diterima kerana ia berfungsi, ia tidak memerlukan justifikasi lain. Žižek menolak pemikiran seperti ini, baginya pemikiran seperti itu sendiri sebenarnya adalah sebuah ideologi. Pemilihan perihal produk apa yang perlu dihasilkan, produk apa yang perlu digunakan, bentuk tenaga apa yang harus diguna pakai, semua ini adalah pilihan yang berbentuk ideologikal dan politikal bagi Žižek.<sup>51</sup>

Sistem kewangan sebenarnya berdiri di atas sebuah realiti yang dicipta (bersifat imaginari tetapi dipercayai ramai manusia, contohnya kepercayaan bahawa wang mempunyai nilai). Siapa yang mencipta sistem ini adalah mereka yang mengetahui kenapa dan bagaimana ia berfungsi. “Siapa” ini adalah pihak-pihak yang memegang kekuasaan. Namun pihak yang sepatutnya mengetahui bagaimana sistem kewangan ini berfungsi sebenarnya tidak mengetahui akibat yang akan berlaku hasil dari polisi mereka. Krisis kewangan 2008 memperlihatkan bagaimana kadar faedah dibiarakan rendah dalam tempoh yang begitu lama hingga menyebabkan meluasnya pinjaman yang berisiko. Polisi ini sebenarnya tidak neutral dari pandangan Žižek,

<sup>46</sup> *First As Tragedy, Then As Farce*, hlm. 16.

<sup>47</sup> Ha-Joon Chang. *23 things they don't tell you about capitalism*. Penguin Books, 2010.

<sup>48</sup> Milton Friedman. *Capitalism and freedom*. University of Chicago press, 2002.

<sup>49</sup> *First As Tragedy, Then As Farce*, hlm. 17.

<sup>50</sup> *Ibid.*, hlm. 19.

<sup>51</sup> *Ibid.*, hlm. 25.

ia lahir dari ideologi ekonomi yang tidak mahu pasaran dikawal, pasaran bebas yang kompetitif dipercayai adalah yang terbaik. Namun, hasil dari ideologi ini adalah krisis kewangan 2008.<sup>52</sup>

Dalam analisa Žižek, kita dapat bahawa beliau sering menunjukkan adanya ironi dan paradoks. Contohnya ideologi untuk menghadkan campur tangan kerajaan dalam hal ekonomi, perkara ini sendiri sebenarnya berdiri di atas sebuah paradoks. Ideologi ini mahu mengurangkan polisi kerajaan dan regulasi, namun sebenarnya untuk mencapai matlamat ini, ia sendiri memerlukan regulasi. Dalam kata lain, regulasi diperlukan untuk mengurangkan regulasi kerajaan dalam ekonomi. Di sini, kita melihat satu paradoks bagi Žižek, di mana ideologi ini memerlukan sesuatu yang ditentang oleh dirinya.<sup>53</sup> Namun sebenarnya, dengan pengurangan campur tangan kerajaan, kita menyaksikan bahawa syarikat besar mendapat lebih kebebasan untuk memusnahkan bisnes-bisnes kecil, pekebun kecil, dan juga usahawan-usahawan yang tidak mempunyai modal yang besar.<sup>54</sup>

Dalam sistem politik juga terdapat paradoks perihal siapa yang dapat melakukan perubahan. Dalam spektrum ideologi, hanya mereka berideologi lawan dapat mengubah sesuatu yang diperjuangkan oleh lawannya. Žižek memberi contoh tentang bagaimana perubahan progresif hanya boleh dilakukan oleh pemimpin yang konservatif, sebagai contoh hanya Nixon yang dapat menyambung semula hubungan dengan negara komunis China.<sup>55</sup> Dalam politik Malaysia sebagai contoh, jika pemimpin PAS menziarahi gereja atau kuil, ini akan dilihat sebagai toleransi agama, jika pimpinan PKR membuat perkara yang sama, mereka mungkin akan dituduh sebagai mempromosikan pluralisme agama. Jika pimpinan DAP sebagai contoh, memberi wang rakyat kepada sekolah cina, dia akan dituduh sebagai tidak menghormati falsafah pendidikan nasional yang mengutamakan Bahasa Melayu. Namun, jika pimpinan UMNO sebagai contoh, melakukan perkara yang sama, dia dikatakan sebagai menghargai kepelbagaiannya budaya. Di sini kita lihat, mereka yang mempunyai ideologi lawan, lebih mudah melakukan perubahan untuk lawannya. Dalam kata lain, golongan progresif perlu bergantung kepada golongan konservatif, begitu juga *vice versa*.

Dalam memahami keadaan sedia ada sekarang, dan bagaimana kita dapat mengubahnya. Kita hendaklah faham bahawa keadaan sedia ada mempunyai kesan langsung terhadap persoalan adalah perubahan dapat dilakukan. Contohnya mengapa seseorang itu miskin, ia dipengaruhi oleh keputusan politik tentang bagaimana ekonomi diurus. Namun kita sering dibayangkan bahawa ia boleh diubah hanya dengan menukar perangai atau *attitude* kita. Sebab itu kedai-kedai buku dipenuhi buku *self-help*, cara berfikir positif, dan bagaimana perubahan sikap dapat menjadikan kita kaya.<sup>56</sup> Namun, jika peluang itu dari awal tiada, perubahan sikap sebenarnya tidak dapat melahirkan perubahan. Ini adalah asas pemikiran materialisme yang menganjurkan bahawa masalah seperti ekonomi memerlukan penyelesaian berbentuk material, bukan perkara abstrak dan psikologi. Contoh yang paling mudah dalam hal ini, bayangkan jika seseorang itu terdampar di sebuah pulau yang kosong, berfikiran positif untuk kenyang tidak akan membantunya keluar dari kelaparan. Dia memerlukan benda material seperti makanan untuk membolehkannya kenyang.

## Sistem Kapitalis Baharu

Saya teringat sembang santai saya dengan Francis Wolf di tepi Sungai Gombak satu ketika dahulu. Antara topik perbualan kami adalah bagaimana sistem kapitalis berubah dengan cepat untuk menyesuaikan diri dengan peredaran zaman. Manakala blok sosialis di Malaysia masih membawakan idea-idea dan pendekatan lama, menjadikan mereka tidak lagi relevan di zaman kini.<sup>57</sup> Žižek dalam analisanya mengungkapkan perkara yang sama. Sistem kapitalis hari ini cuba untuk menjadi lebih peka pada tanggungjawab sosialnya. Mereka berkolaborasi dengan pekerja, berdialog dengan pengguna, menghormati alam sekitar, melakukan bisnes dengan lebih transparan, dalam hal ini kita melihat bagaimana kapitalis bukan lagi menjadi enjin untuk sekadar menjana keuntungan, tetapi ia mempunyai makna kewujudan yang lebih dalam. Walaupun begitu,

<sup>52</sup> *Ibid.*, hlm. 28-29.

<sup>53</sup> *Ibid.*, hlm. 32.

<sup>54</sup> *Ibid.*, hlm. 33.

<sup>55</sup> *Ibid.*, hlm. 110.

<sup>56</sup> *Ibid.*, hlm. 142.

<sup>57</sup> Syed Ahmad Fathi. "Nota-nota peribadi di PBAKL 2019". *Meniti Jambatan Masa*, 8 April 2019.

bagi Žižek, mimpi bahawa kapitalis kini lebih spiritual, lebih bertanggungjawab di sudut sosial dan menjaga alam sekitar, musnah apabila berlakunya krisis kewangan pada tahun 2008.<sup>58</sup> Krisis ini menampakkan sisi-sisi buruk dalam kapitalisma yang bernanah di dalam, meski pun di luar segalanya kelihatan indah.

Kapitalis baru juga datang dengan semangat baharu, iaitu “kapitalis kebudayaan”, di mana kita membeli barang dan produk bukan lagi kerana barang itu mempunyai kegunaan (*utility*) atau dapat menjadi simbol kepada status sosial kita dalam masyarakat, tetapi kerana ia memberi kita pengalaman (*experience*) yang membuatkan kita merasakan hidup kita lebih bermakna dan menyeronokkan. Perkara ini dapat dilihat melalui *trend* pergi bercuti dalam *virtual reality*, kerana yang penting adalah pengalaman, jadi *virtual reality* membolehkan kita mendapat pengalaman tanpa perlu melalui perkara-perkara yang menyusahkan seperti beratur membeli tiket, duduk lama dalam kenderaan, dan sebagainya.<sup>59</sup>

Menurut Žižek, kapitalisma bukan sahaja berjaya berubah menjadi kapitalisma baharu, kapitalisma juga berjaya mencipta semula (*re-invent*) sosialisma, ia dilakukan bagi menyelamatkan dirinya. Dalam keadaan ini, sosialisma bukan lagi menjadi versi bawahan kepada komunisma, tetapi menjadi pencabar dan ancaman utama buat komunisma.<sup>60</sup> Perubahan kapitalisma klasik kepada kapitalisma baharu yang menganjurkan bidang pekerjaan dalam bentuk kognitif, dengan struktur tanpa hiraki dan tidak berpusat menurut Žižek tidak seharusnya dilihat sebagai ancaman sepenuhnya, kerana boleh jadi, ciri-ciri ini dapat membantu penyemaian benih-benih komunisma di mana struktur sistem yang ada adalah lebih terbuka dan egalitarian.<sup>61</sup>

Sistem kapitalis hari ini sering kali berevolusi, ia akan sentiasa memusnahkan keadaan sedia ada dan mencipta keadaan yang baharu yang lebih efisien. Proses ini sering disebut dalam industri dan dunia korporat sebagai *creative destruction* di mana ia adalah satu mekanisme inovasi di mana produksi baharu menggantikan produksi yang sudah lapuk. Proses ini merupakan proses yang membantu kapitalisma berkembang, sebahagian kajian menyatakan ia menyumbang sebanyak 50 peratus kepada pertumbuhan produktiviti.<sup>62</sup> Proses ini bukan sahaja mencipta semula kapitalisma setiap kali ia berevolusi, tetapi mengubah koordinat perjuangan komunis. Oleh itu bagi Žižek, musuh komunisma bukan lagi negara, tetapi proses revolusi berterusan kapitalisma ini.<sup>63</sup> Namun perkara ini membuatkan saya bingung, seolah-olah ada satu paradoks di sini, di satu sudut komunisma mahukan revolusi dan perubahan, namun jika revolusi dan perubahan ini dilakukan oleh orang lain ia wajar dimusuhi? Adakah kita perlu menjadi statik? Atau perubahan yang baik hanyalah perubahan anjuran komunis? Bagi saya, keupayaan kapitalisma berubah adalah satu perkara yang baik, ia menunjukkan bahawa ia mampu berubah menjadi lebih mesra manusia juga lebih bertanggungjawab kepada sosial dan alam sekitar. Namun tentulah kita mahukan ia sentiasa ditambah baik, oleh itu sisi kritis perlu sentiasa dibuka.

### Mengenali Musuh dan Propagandanya

Terdapat kata-kata yang menyatakan bahawa “seorang musuh itu adalah seorang yang kisahnya belum kamu dengari”. Kata-kata ini berpandangan bahawa setiap orang itu pasti punya kisah tersendiri yang menatijahkan sebuah tindakan yang kita rasakan tidak wajar. Kita melihat dalam banyak kisah-kisah filem bagaimana karakter antagonis diberikan kisah latarnya sendiri, membuatkan penonton bersimpati dengannya walaupun tindakannya kejam. Žižek menolak hal ini. Beliau bertanya, adakah sekiranya kita mengetahui kisah hidup tentera Nazi dapat menjustifikasi tindakan kejamnya? Adakah dengan mengetahui kisah hidupnya, mereka menjadi lebih manusia dan dapat dimaafkan?<sup>64</sup>

Bagi Žižek kisah-kisah yang kita ceritakan pada diri sendiri adalah sebuah penipuan, yang penting bukanlah apa yang kita rasa di dalam diri, tetapi apa yang kita lakukan di luar. Apa yang kita lakukanlah yang

<sup>58</sup> First As Tragedy, Then As Farce, hlm. 34-35.

<sup>59</sup> Ibid., hlm. 52-53.

<sup>60</sup> Ibid., hlm. 96.

<sup>61</sup> Ibid., hlm. 103.

<sup>62</sup> Ricardo J. Caballero "Creative destruction." In Economic growth, pp. 24-29. London: Palgrave Macmillan UK, 2010.

<sup>63</sup> First As Tragedy, Then As Farce, hlm. 130.

<sup>64</sup> Ibid., hlm. 39.

menentukan siapa kita.<sup>65</sup> Contoh lain yang diberikan oleh Žižek adalah kekejaman tentera kolonial Israel (IDF). Media Israel sering menggambarkan tentera kolonial mereka sebagai manusia biasa yang tidak sempurna, tidak lari dari kesilapan, tersepit dalam sejarah dan perang. Mereka digambarkan sebagai manusia yang juga merasakan trauma perang.<sup>66</sup> Namun, ini semua tidak seharusnya membuatkan kita bersympati dengan projek kolonial Israel yang kejam dan sadistik. Pembunuhan kejam yang dilakukan oleh IDF di Gaza dan Lubnan adalah jenayah perang.<sup>67</sup> Jenayah ini bukan satu jenayah yang tersembunyi, ia direkodkan dengan begitu teliti oleh saksi pertama yang ada di medan. Contoh yang baik adalah tulisan Ang Swee Chai yang menyaksikan kekejaman terhadap rakyat Palestin di kem Shabta dan Shatila di Lubnan.<sup>68</sup>

Dalam memahami siapakah sebenarnya pihak musuh, Žižek menolak aksiom “musuh kepada musuh saya adalah sahabat saya”. Bagi beliau, golongan progresif melakukan kesilapan jika mereka menyangka mereka boleh bersekutu dengan golongan di dalam kem fundamentalis Islam hanya kerana mereka berkongsi pandangan yang sama dalam persoalan anti-imperialisme.<sup>69</sup> Walaupun saya faham maksud yang cuba disampaikan oleh Žižek, saya juga merasakan bahawa pandangan beliau ini bersifat reduksionis. Ia melahirkan pemikiran binari yang akhirnya menyebabkan kita melihat dunia dalam kanta yang sempit dan gagal memahami kompleksiti yang wujud di dalam dunia.

Walau bagaimana pun, dalam mengkritik golongan fundamentalis Islam, Žižek tidak bersetuju dengan terma pejoratif “Islam-Fasis” yang sering diberikan kepada golongan ini. Bagi beliau, terma “Fasis” itu sudah cukup, ia tidak memerlukan dimensi agama. Jika kita menerima terma “Islam-Fasis”, maka kita perlu mengakui bahawa gerakan paling ganas yang telah membunuh ribuan manusia di Eropah terutamanya kaum Yahudi adalah gerakan “Kristo-Fasis” kerana golongan Nazi pada ketika itu adalah beragama Kristian.<sup>70</sup>

### Krisis Imigran & Hipokrasi Eropah

Eropah sering mendabik dada bahawa mereka merupakan juara bagi hak individu, kebebasan, dan juga bantuan kemanusiaan. Namun krisis imigran yang berlaku di Eropah, terutamanya di Lautan Mediterranean menunjukkan hipokrasi yang nyata. Menurut Žižek, imigran yang datang ini dilihat bukan sebagai manusia, tetapi *homo sacer* seperti yang ditulis oleh Agamben. *Homo sacer* adalah golongan yang dikecualikan dari undang-undang sivil, mereka boleh dibunuh tanpa apa-apa balasan atau hukuman.<sup>71</sup>

Krisis imigran ini sebenarnya menampakkan sisi rasis pemikiran orang Eropah. Žižek turut memberi contoh dalam sejarah tentang bagaimana perbahasan tentang perhambaan berlangsung. Ahli falsafah Eropah mengkritik sistem perhambaan apabila ia sudah tidak wujud, namun di tempat-tempat yang masih mengamalkannya, sistem perhambaan itu tidak dikritik. Beliau membawakan kata-kata Louis Sala-Molins yang mengatakan bahawa “ahli falsafah pencerahan Eropah mengkritik dengan keras sistem perhambaan, kecuali di tempat-tempat yang wujud perhambaan secara literal”.<sup>72</sup> Dalam kata lain, mereka hanya mengkritiknya apabila ia telah selamat dikritik dan sesuai dengan arus pemikiran masyarakat yang ada.

Eropah dan kuasa Barat dalam sejarahnya bukan sahaja terkenal dengan kezaliman dalam bentuk perhambaan, tetapi juga dalam bentuk kolonialisme di mana mereka merampas hak-hak kebebasan peribumi. Namun dalam proses kolonialisasi ini, mereka telah berjaya menanam nilai dan konsep mereka. Žižek memberi contoh bagaimana negara-negara yang dijajah mahu menjadi negara bangsa yang merdeka, namun sebenarnya konsep negara bangsa yang ingin mereka dapatkan itu merupakan konsep Barat. Dalam kata lain, walaupun Eropah kelihatan tewas apabila berlakunya proses dekolonialisasi, mereka masih menang kerana berjaya menanam struktur sosialnya kepada masyarakat peribumi.<sup>73</sup>

<sup>65</sup> *Ibid.*, hlm. 40.

<sup>66</sup> *Ibid.*, hlm. 41.

<sup>67</sup> Ali Khan. "The War Crime Machine: Defeating the IDF." *Counterpunch*, July 29 (2006): 30.

<sup>68</sup> Swee Chai Ang. *From Beirut to Jerusalem*. Islamic Book Trust, 2019.

<sup>69</sup> *First As Tragedy, Then As Farce*, hlm. 70.

<sup>70</sup> *Ibid.*, hlm. 74.

<sup>71</sup> *Ibid.*, hlm. 47.

<sup>72</sup> *Ibid.*, hlm. 111.

<sup>73</sup> *Ibid.*, hlm. 115.

## Membedah Sebuah “Kepercayaan” & Persoalan Ruang Awam

Apakah yang dimaksudkan dengan percaya? Apabila kita mempercayai sesuatu, bagaimana sebenarnya kita mengukur kepercayaan itu? Dalam membicarakan hal berkaitan ideologi, Žižek menghuraikan bagaimana ideologi berkait rapat dengan kepercayaan. Apabila kita berpegang dengan sebuah ideologi, kita membina sebuah kepercayaan. Contohnya ideologi perihal demokrasi dan kebebasan, kita semua maklum akan limitasinya, bagaimana ia dimanipulasi oleh ahli politik yang korup dan tidak berfungsi dengan efisien. Tetapi kita masih mengambil bahagian di dalamnya, kita beranggapan bahawa ia tetap akan terus berfungsi walaupun kita tidak mempercayainya.<sup>74</sup>

Dalam membedah persoalan kepercayaan ini, manusia juga mempunyai kecenderungan untuk mempercayai sesuatu itu boleh berlaku, tapi dalam masa yang sama, kita tidak dapat menerima bahawa ia boleh berlaku. Dalam bahasa Perancis disebut “*je sais bien, mais quand même*”. Kepercayaan seperti ini yang menjadikan manusia terkejut dengan sesuatu perubahan, walau pun dia sedar bahawa perkara itu memang akan berlaku.<sup>75</sup>

Selain membedah dan membahaskan persoalan kepercayaan, Žižek juga membedah bagaimana kita memahami ruang awam dan juga ruang peribadi, bagaimana interaksi kita bersama orang lain dalam dua sfera ini, apakah hak dan limitasi yang ada. Dalam hal ini beliau membawa pandangan Rorty yang berpegang dengan ideologi liberal di mana beliau berpendapat bahawa ruang peribadi adalah ruang di mana kreativiti dan imaginasi dibiarkan bebas manakala persoalan moral digantung. Manakala di ruang awam kita perlu dikawal oleh peraturan agar kita tidak mencederakan orang lain.<sup>76</sup> Beliau juga mengetengahkan pemikiran Kant yang membawakan konsep *the public use of reason* di mana Kant berpendapat bahawa pemikiran awam hendaklah sentiasa bebas agar ia dapat memberi pencerahan kepada manusia, manakala pemikiran peribadi boleh jadi sempit asalkan ia tidak menganggu gugat proses pencerahan. Kant menerangkan bahawa pemikiran awam yang dimaksudkan adalah pemikiran sarjana di khalayak yang terdidik, manakala pemikiran peribadi mewakili golongan yang diberikan kuasa pemerintahan. Namun Žižek mengkritik pandangan Kant ini, baginya pemikiran ini membangunkan sebuah paradoks di mana Kant menyuruh manusia berfikir bebas tetapi dalam masa yang sama perlu taat kepada pemerintahan.<sup>77</sup>

## Kembali Kepada Komunisma

Walaupun komunisma hari ini dilihat sudah tewas, terutamanya dengan jatuhnya Kesatuan Soviet dan juga penerimaan kerajaan Komunis China terhadap sistem kapitalis (*capitalism with Asean values*), bagi Žižek, penyelesaian kepada masalah sistem ekonomi dan politik dunia tetap adalah komunisma. Beliau memetik sikap optimis Lenin bahawa “komunis tidak akan sekali-kali tewas jika mereka tidak berputus asa dan berani untuk bermula semula di permulaan baharu”. Hipotesis komunis bagi Žižek tetap sebuah hipotesis yang benar.<sup>78</sup> Namun sekadar mempercayai kepada hipotesis ini tidak mencukupi.

Kepercayaan semata-mata tidak cukup. Bagi Žižek, apa yang diperlukan untuk berlaku perubahan adalah mencari dalam realiti sedia ada, antagonisme ataupun *rage capital*, agar hipotesis ini boleh direalisasikan dengan segera. Pada hari ini, dalam sistem kapitalis baharu yang mendominasi dunia, terdapat empat antagonisma yang wujud.

1. Ancaman bencana ekologi
2. Percanggahan konsep harta peribadi bagi harta intelek
3. Masalah etika dalam kemajuan saintifik terutamanya dalam bidang bio-genetik
4. Aparteid baru dalam bentuk tembok dan setinggan (perbezaan kaya-miskin)<sup>79</sup>

<sup>74</sup> *Ibid.*, hlm. 51.

<sup>75</sup> *Ibid.*, hlm. 108.

<sup>76</sup> *Ibid.*, hlm. 104.

<sup>77</sup> *Ibid.*, hlm. 105.

<sup>78</sup> *Ibid.*, hlm. 86-87.

<sup>79</sup> *Ibid.*, hlm. 91.

Antagonisma-antagonisma baharu ini bagi Žižek menyatukan manusia dalam kelas yang sama, bukan lagi perlawanan antara kelas proletariat melawan bojuis seperti yang difahami dalam pemikiran klasik Marx. Bencana iklim sebagai contoh, yang merupakan hasil dari perubahan iklim, akan menghancurkan semua manusia tanpa mengira kelas sosial mereka.<sup>80</sup>

Terdapat perbezaan antara sosialis dan komunis menurut Žižek. Sosialis cuba mewujudkan sistem kolektif yang egalitarian, manakala komunis bagi Žižek ingin mewujudkan komuniti yang organik. Dalam hal ini, beliau memberi contoh Nazism, yang merupakan sosialis nasional, bukan komunis nasional. Sifat rasis bagi beliau boleh wujud dalam bentuk sosialis, tetapi bukan komunis. Dalam kata lain, komunisma berbeza dengan sosialisma di mana komunisma membawa kepada satu kesatuan yang universal, menjangkaui determinasi seperti kaum dan ras.<sup>81</sup> Bagi beliau, sikap rasis yang ditunjukkan Stalin tidak menggambarkan komunisma, tetapi kegagalan Stalin untuk setia dengan idea-idea komunisma. Beliau memetik penulisan sejarawan Eric Hobsbawm yang mengatakan bahawa “sosialisma telah gagal, dan kapitalisma telah bankrap, masa depan akan menjadi komunisma”. Untuk menyelesaikan antagonisma-antagonisma yang telah disebut, bagi komunisma ia perlu diselesaikan semuanya bersama, manakala sosialisma berpandangan kita boleh menyelesaikan 3 antagonisma pertama dan membiarkan antagonisma ke-4. Jika kapitalisme membawa konsep harta milik peribadi, dan sosialisma mendakwa harta milik negara, komunisma pula membawakan konsep bahawa harta itu milik semua, tiada pemilikan peribadi mahupun negara.<sup>82</sup>

Antagonisma ke-4, iaitu perbezaan kaya-miskin (*Included vs Excluded*) adalah antagonisma yang dapat menjustifikasi penggunaan terma komunisma menurut Žižek. Dalam hal ini kita melihat bagaimana institusi negara melihat golongan yang tersisih ini sebagai ancaman, dan harus dijauhkan dari masyarakat.<sup>83</sup> Antagonisma ke-4 ini juga mempunyai perbezaan utama berbanding 3 antagonisma sebelumnya. Tiga antagonisma pertama merupakan hal survival manusia dari sudut ekonomi, antropologi, dan fizikal, tetapi antagonisma ke-4 bukan perihal survival manusia, ia adalah perihal keadilan.<sup>84</sup>

Komunis dikatakan gagal kerana gerakan-gerakan yang dahulunya menggerak dan mengubah dunia dilihat menjadi regresif, contohnya Revolusi Budaya Mao kemudian bertukar kepada Kapitalisma Deng Xiaoping. Tetapi bagi Žižek, walaupun ia gagal direalisasikan, ideanya tetap teguh dan berulang kali datang semula. Idea komunis ibarat arus yang datang berulang kali tanpa henti. Ia menyuruh manusia mencuba lagi, jika gagal, berusaha lagi agar gagal dengan lebih baik. Idea yang berulang kali datang ini, adalah idea yang *eternal*, ia merangkumi empat perkara yang senantiasa perlu difikir dan ditambah baik, ia adalah keadilan yang egalitarian, disiplin yang tinggi, sukarelawan politik, dan kepercayaan kepada manusia.<sup>85</sup> Komunisma bagi Žižek bukan idea utopia perihal masyarakat yang sempurna, tetapi adalah gerakan untuk menggugat sistem sedia ada, kerana jika sistem sedia ada tidak digugat, progres sejarah akan menuju kehancuran.<sup>86</sup>

## Kesimpulan

Banyak perkara yang saya belajar dari buku ini. Banyak juga idea-ideanya yang tidak saya setujui. Paling banyak adalah perbahasan-perbahasan yang langsung tidak saya fahami. Ini kerana Žižek banyak mencedok idea dan terma dari hasil tulisan orang lain (terutamanya Badiou dan Negri), dan saya yang tidak membaca tulisan mereka, jadi saya tidak dapat menangkap maksud lengkap perbahasannya. Di dalam kalam penutupnya, Žižek menekankan bahawa untuk perubahan berlaku, kita sendiri perlu menjadi ejen perubahan. Beliau meminjam kata-kata orang Hopi “*we are the ones we have been waiting for*”, dalam kata lain, jika kita mahukan perubahan, kitalah yang perlu melakukannya.<sup>87</sup> Kita tidak boleh bergantung pada orang lain. Perubahan di zaman baharu akan lahir dari mereka yang kecewa dengan komunis abad ke-20 dan bersedia untuk bermula semula di titik yang baharu, bermula dari awal dan mencipta semula perjuangan.

<sup>80</sup> *Ibid.*, hlm. 92.

<sup>81</sup> *Ibid.*, hlm. 104.

<sup>82</sup> *Ibid.*, hlm. 95.

<sup>83</sup> *Ibid.*, hlm. 97.

<sup>84</sup> *Ibid.*, hlm. 99.

<sup>85</sup> *Ibid.*, hlm. 125.

<sup>86</sup> *Ibid.*, hlm. 149.

<sup>87</sup> *Ibid.*, hlm. 154.

Walaupun dikutuk sebagai utopian sebenarnya mereka lah yang baru bangun dan sedar dari mimpi utopia. Mereka tidak bernostalgia dengan gerakan kiri lalu. Bagi Žižek, mereka seperti inilah harapan masa depan dan mereka wujud di banyak negara.<sup>88</sup> Akan tiba satu masa, mereka akan berpadu dan membentuk arus perubahan.

Saya kira Žižek banyak mengkritik paradoks dalam pemikiran-pemikiran orang lain, namun jika kita membaca tulisannya dengan perlahaan dan berhati-hati, kita akan dapati penulisannya juga dipenuhi dengan paradoks. Begitu juga tentang persoalan perihal materialisme yang merupakan pemikiran kuat yang mempengaruhi pemikiran Marxis, jika kita meneliti tulisan Žižek dalam banyak hal, beliau juga banyak berwacana perihal konsep yang abstrak terutamanya dalam mengatakan bahawa komunisma adalah lebih kepada idea yang akan berulang kali datang, juga komunisma sebagai satu semangat untuk tidak berputus asa dan sentiasa berani untuk bermula semula dari bawah. Semua idea-idea ini bagi saya berpijak di bumi yang abstrak bukan material.

Bahagian yang paling saya tidak persetujui adalah bahagian di mana Žižek cuba untuk membersihkan Marx dari penulisannya yang menjustifikasi kolonialisme terhadap India. Cubaan Žižek ini bagi saya adalah cubaan yang gagal, sekurang-kurangnya ia gagal bagi saya untuk melihat bahawa ada sisi positif dalam kolonialisme. Manakala bahagian yang paling saya gemari adalah kritik-kritik beliau dalam persoalan demokrasi, bagaimana ia sebenarnya merupakan satu kepura-puraan yang kononnya memberikan kita pilihan untuk memilih siapa yang seharusnya menguasai kita. Analisa beliau dalam membedah persoalan keperluan krisis sebagai ejen perubahan juga sangat relevan bagi saya. Beliau mengembangkan lagi idea ini, bagi beliau krisis tidak semestinya melahirkan perubahan, malah ia boleh sahaja menjadi alat untuk menguatkan lagi status quo. Apa yang penting adalah naratif mana yang lebih kuat dalam mengetengahkan tafsiran mereka ke atas sesebuah krisis. Selepas membaca tulisan Žižek ini, saya kekal skeptik bahawa masa depan akan menjadi milik komunis, namun dalam masa yang sama, saya merasakan cubaan Žižek dalam membahaskannya mempunyai sumbangan kepada percambahan pemikiran.

---

<sup>88</sup> *Ibid.*, hlm. 156.

## Bibliografi

- Caballero, Ricardo J. . 2010. "Creative destruction." In *Economic growth*, 24-29. London: Palgrave Macmillan UK.
- Chang, Ha-Joon. 2011. *23 Things They Don't Tell You About Capitalism*. Penguin.
- D'Amato, Paul. 2014. *The Meaning of Marxism*. Haymarket Books.
2003. *Freedom under fire: Dissent in post-9/11 America*. New York: American Civil Liberties Union.
- Friedman, Milton. 2002. *Capitalism and Freedom (40th Anniversary)*. University of Chicago Press.
- Fukuyama, Francis. 2006. *The End of History and The Last Man*. Free Press.
- Khairy Jamaluddin, and Shahril Hamdan. 2023. "Podcast Keluar Sekejap Episod Ke-32." *Tiong King Sing di KLLA, Kecerdasan Buatan (AI) - What's next?, Rusuhan di Perancis*. July 04. Accessed July 08, 2023. <https://www.youtube.com/watch?v=5yyB-Wk5M-k>.
- Khan, Ali. July 29 (2006). "The War Crime Machine: Defeating the IDF." *Counterpunch* 30.
- Krause, Paul. 2019. "Karl Marx's Dialectical Historicism." *Discourses on Minerva*. October 28. Accessed July 19, 2023. <https://minervawisdom.com/2019/10/28/karl-marxs-dialectical-historicism/>.
- Said, Edward W. 1991. *Orientalism: Western Conceptions of the Orient*. Penguin.
- Swee Chai Ang. 2019. *From Beirut to Jerusalem*. Islamic Book Trust.
- Syed Ahmad Fathi. 2022. *Lalang di Lantau Ideologi*. Cukong Press.
- . 2020. *Life Full of Reading: A Collection of Book Reviews*. Independent Insight.
- . 2022. "Meninjau Pemikiran Edward Wadie Said Dalam Orientalism: Perihal Konstruksi Barat Terhadap Timur." *Sesi Mengopi Bersama JC IIUM*.
- . 2019. "Nota-nota peribadi di PBAKL 2019." *Meniti Jambatan Masa*. April 08. Accessed June 26, 2023. <https://bersamakepuncak.blogspot.com/2019/04/nota-nota-peribadi-di-pbakl-2019.html>.
- Syed Ahmad Fathi. 2023. "Pemikiran Sejarah Edward Carr." *Nota Pemikir Sejarah*.
- . 2023. "Perbahasan & Wacana Yang Sia-Sia." *Independent Insight*. June 12. Accessed July 08, 2023. <https://theindependentsight.com/2023/06/12/perbahasan-wacana-yang-sia-sia/>.
- . 2016. "The Big Short." *Meniti Jambatan Masa*. July 16. Accessed June 3, 2023. <https://bersamakepuncak.blogspot.com/2016/07/the-big-short.html>.
- Zakaria, Fareed. 2004. *The Future of Freedom: Illiberal Democracy at Home and Abroad*. W. W. Norton & Company.
- Žižek, Slavoj. 2009. *First As Tragedy, Then As Farce*. London: Verso.